

Jangan salahkan Hsu Koon Melayu terpinggir

PULAU PINANG 11 Nov. - Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya atas kegagalan membantu memajukan orang Melayu di negeri ini sehingga menyebabkan mereka masih ketinggalan dan terpinggir dari arus kemajuan.

Ketua UMNO Bahagian Tanjong, Datuk Ahmad Ibni Hajar berkata, sebaliknya apa yang menimbulkan persoalan ialah kegagalan sistem penyampaian di kalangan pegawai kerajaan negeri sendiri dalam membahagikan projek dan kekayaan negeri secara sama rata turut dikenal pasti menyebabkan orang Melayu di Pulau Pinang terus ketinggalan.

"Perancangan atas kertas termasuk Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sudah cantik, tetapi (macam mana) kalau sistem penyampaian gagal?," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sambutan rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) di sini hari ini.

Beliau yang juga Pengarah Urusan PPSB berkata demikian ketika ditanya mengenai intipati perbahasan usul ekonomi yang akan dibahaskannya pada Perhimpunan Agung UMNO ke-57 bermula 13 hingga 17 November ini.

Isu Melayu dipinggirkan di negeri menjadi polemik hangat baru-baru ini sehingga menyebabkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak mengarahkan kerajaan negeri bertindak segera.

Tsu Koon dikatakan sebagai antara punca utama kemunduran orang Melayu kerana gagal menjalankan tanggungjawabnya sebagai ketua menteri bagi semua kaum.

Turut dibangkitkan soal sistem penggiliran Ketua Menteri diperkenalkan.

Sehubungan itu, perhimpunan agung kali ini dilihat sebagai medan terbaik untuk orang Melayu bangkit kembali memperbetulkan keadaan yang dilihat pincang di negeri ini.

Ahmad berkata, beliau akan membangkitkan tiga perkara pokok semasa membahaskan usul nanti.

"Ia adalah sistem penyampaian yang gagal, ketidakseimbangan Pembangunan wilayah-wilayah dan modal insan, tetapi saya akan tekankan soal kegagalan sistem penyampaian.

"Pak Lah (Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) ada dua lagi Rancangan Malaysia sebelum kita mencapai bangsa maju pada tahun 2020, jika sistem penyampaian gagal, bagaimana," jelasnya

Menjadi harapan orang Melayu negeri ini, tambahnya, semua perancangan Perdana Menteri untuk kepentingan bangsa akan berjaya.